



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kongsi nombor TAC, rugi RM70,000
Publication/Portal: Kosmo
Date: 25 August 2021

Language: Malay
Section: Negara
Page: 13

Wanita dari Butterworth ditipu individu menyamar pegawai polis IPD Seremban

Kongsi nombor TAC, rugi RM70,000

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Tindakan seorang pekerja swasta menyerahkan maklumat akaun dan kod kebenaran transaksi (TAC) kepada individu kononnya pegawai polis menyebabkan dia kehilangan wang simpanan sebanyak RM70,000.

Mangsa wanita berusia 49 tahun dari Mak Mandin, Butterworth itu mula terjerat dengan penipuan tersebut selepas menerima satu panggilan telefon daripada individu mendakwa pegawai sebuah syarikat telekomunikasi.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, individu terbabit menafklumkan mangsa mempunyai tunggakan cukai syarikat sebanyak RM1,188 sebelum panggilan disambung



Wanita itu yang panik telah mengikut arahan suspek supaya tidak memberitahu sesiapa serta diminta menyerahkan maklumat akaun dan kod kebenaran transaksi (TAC) atau kata laluan sekali guna (OTP) bagi siasatan lanjut.”

kepada pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

“Mangsa kemudiannya dimaklumkan pegawai polis terbabit bahawa dia didapati terlibat kes pengubahan wang haram.

“Wanita itu yang panik telah mengikut arahan suspek supaya


menyerahkan maklumat akaun dan kod kebenaran transaksi (TAC) atau kata laluan sekali guna (OTP) bagi siasatan lanjut,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata, sejurus menyerahkan nombor terbabit, mangsa mendapati wang di dalam akaun bank miliknya telah berkurangan melalui transaksi yang dipercayai dilakukan oleh suspek.

“Mangsa juga telah meminahkan separuh daripada wang miliknya ke dalam akaun bank lain kononnya untuk tujuan siasatan.

“Dia bagaimanapun menyadari ditipu selepas mendapati wang sebanyak RM70,000 telah lesap dan tampil membuat laporan polis semalam (kelmarin),” jelasnya.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



SEORANG wanita hilang wang simpanan RM70,000 selepas menyerahkan nombor TAC kepada individu menyamar pegawai polis. – GAMBAR HIASAN